
BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Subseksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berasaskan perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2022 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dilaksanakan selaras dengan Subseksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

**Apa yang
ditemui
Audit?**

BAHAGIAN I:

**Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi
Tahun Berakhir 31 Disember 2022**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

- **Hal-hal Lain**

Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah memastikan bahawa sebarang transaksi dan polisi kewangan yang dibuat yang memberi kesan kepada pelaporan penyata kewangan hendaklah dilaksanakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN II:

Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

- Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan**

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2022 (RM Bilion)	2021 (RM Bilion)	RM BILION	%
Hasil	294.357	233.752	60.605	25.9
Pelbagai Terimaan	1.407	0.992	0.415	41.8
Jumlah Terimaan	295.764	234.744	61.020	26.0
Perbelanjaan:				
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	292.693	231.516	61.177	26.4
Perbelanjaan Pembangunan	71.574	64.257	7.317	11.4
Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19	30.979	37.711	(6.732)	(17.9)
Jumlah Perbelanjaan	395.246	333.484	61.762	18.5
Defisit	(99.482)	(98.740)	0.742	0.8
Nisbah Defisit Kepada KDNK	5.6%	6.4%		
Hutang Persekutuan	1,079.591	979.814	99.777	10.2
Nisbah Hutang Persekutuan Kepada KDNK	60.3%	63.3%		
Liabiliti Kewangan	319.571	325.232	(5.661)	(1.7)
Jumlah Liabiliti Persekutuan	1,399.162	1,305.046	94.116	7.2
Nisbah Liabiliti Persekutuan Kepada KDNK	78.1%	84.3%		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022

Nota: 1. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tahun 2022 adalah RM1,791.358 bilion (2021: RM1,548.898 bilion)

2. Nisbah statutori Hutang Persekutuan pada tahun 2022 kepada KDNK adalah 57.6%, iaitu di bawah had statutori 65% kepada KDNK

- Hasil**

- Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM294.357 bilion iaitu meningkat sejumlah RM60.605 bilion atau 25.9% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM233.752 bilion.

- Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Hasil Cukai berjumlah RM208.765 bilion atau 70.9%, Hasil Bukan Cukai berjumlah RM79.609 bilion atau 27.1%, Terimaan Bukan Hasil RM5.296 bilion atau 1.8% dan Hasil Wilayah Persekutuan RM0.687 bilion atau 0.2%.
- Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Langsung dan Cukai Tak Langsung. Kutipan Hasil Cukai adalah berjumlah RM208.765 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM35.062 bilion atau 20.2% berbanding tahun 2021 sebanyak RM173.703 bilion. Peningkatan ketara melibatkan kutipan cukai pendapatan petroleum berjumlah RM11.851 bilion kepada RM23.421 bilion, cukai pendapatan syarikat meningkat sejumlah RM2.304 bilion kepada RM82.133 bilion dan cukai pendapatan individu yang meningkat sejumlah RM6.725 bilion kepada RM33.776 bilion.
- Hasil Bukan Cukai meningkat sejumlah RM28.487 bilion atau 55.7% kepada RM79.609 bilion pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 sebanyak RM51.122 bilion. Peningkatan ketara melibatkan terimaan faedah dan perolehan daripada pelaburan sejumlah RM23.205 bilion atau 66.3% kepada RM58.223 bilion. Peningkatan ini disebabkan terimaan dividen daripada syarikat Petroliam Nasional Berhad sejumlah RM50 bilion berbanding tahun 2021 sebanyak RM25 bilion. Selain itu, terimaan royalti petroleum juga meningkat sejumlah RM2.276 bilion kepada RM5.975 bilion.

- **Perbelanjaan Mengurus**

- Peruntukan muktamad yang diluluskan adalah berjumlah RM236.966 bilion, manakala perbelanjaan mengurus adalah berjumlah RM292.693 bilion. Lebihan hasil sebanyak RM1.664 bilion telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Hal ini menjadikan keseluruhan perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 adalah berjumlah RM294.357 bilion.
- Kementerian Kewangan mencatatkan perbelanjaan tertinggi sebanyak RM120.174 bilion atau 40.8% daripada keseluruhan

perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 2022, iaitu meningkat sejumlah RM47.125 bilion atau 64.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM73.049 bilion. Peningkatan ketara perbelanjaan Kementerian Kewangan melibatkan perbelanjaan subsidi produk petroleum berjumlah RM45.184 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM35.161 bilion atau 350.8% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM10.023 bilion.

- Berdasarkan penjenisan perbelanjaan, perbelanjaan pemberian dan kenaaan bayaran tetap merupakan perbelanjaan tertinggi yang berjumlah RM170.243 bilion atau 57.8% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus.
 - Perbelanjaan emolumen adalah sebanyak RM87.789 bilion atau 29.8% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus pada tahun 2022. Sejumlah RM75.501 bilion atau 86% adalah bayaran emolumen di Kementerian Pendidikan (RM40.319 bilion), Kementerian Kesihatan (RM17.406 bilion), Kementerian Dalam Negeri (RM9.937 bilion) dan Kementerian Pertahanan (RM7.839 bilion).
 - Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) meningkat sejumlah RM1.010 bilion atau 49% kepada RM3.073 bilion pada tahun 2022 berbanding RM2.063 bilion pada tahun 2021. Sejumlah RM423.12 juta atau 13.8% telah dibayar selepas bulan April 2022.
- **Perbelanjaan Subsidi**
 - Perbelanjaan subsidi yang dikenakan kepada vot mengurus adalah berjumlah RM55.443 bilion, iaitu meningkat sejumlah RM42.309 bilion atau 322.1% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM13.134 bilion. Antara perbelanjaan subsidi yang tertinggi ialah subsidi barangan produk petroleum yang berjumlah RM45.184 bilion atau 81.5% daripada keseluruhan perbelanjaan tersebut.

- **Perbelanjaan Kerana Hutang Negara**

- Perbelanjaan kerana hutang negara yang dikenakan kepada Vot T.13 terus mencatatkan peningkatan sebanyak RM3.200 bilion atau 8.4% kepada RM41.269 bilion pada tahun 2022.
- Peratusan perbelanjaan ini berbanding kutipan hasil tahun 2022 yang berjumlah RM294.357 bilion adalah pada nisbah 14% berbanding 16.3% pada tahun 2021.
- Sejumlah RM40.553 bilion atau 98.3% daripada keseluruhan perbelanjaan kerana hutang negara adalah bagi bayaran faedah, dividen atau keuntungan atas Pinjaman Dalam Negeri. Manakala RM0.713 bilion atau 1.7% adalah bagi bayaran faedah, dividen atau keuntungan atas Pinjaman Luar Negeri.

- **Perbelanjaan Pembangunan**

- Secara keseluruhannya, perbelanjaan pembangunan kementerian dan jabatan persekutuan yang telah dibelanjakan adalah berjumlah RM71.574 bilion atau 104.5% berbanding peruntukan yang diluluskan.
- Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM71.574 bilion adalah sejumlah RM6.068 bilion yang dikenakan dalam tempoh Akaun Kena Bayar. Perbelanjaan ini adalah di peringkat Kementerian Kewangan dan melibatkan penyaluran peruntukan kepada syarikat DanaInfra Nasional Berhad, Prasarana Malaysia Berhad serta Urusharta Jamaah Sdn. Bhd. Sejumlah RM17.086 bilion telah dibelanjakan bagi pelunasan komitmen jaminan iaitu meningkat sebanyak RM7.439 bilion atau 77.1% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM9.647 bilion.

- **Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19**

- Perbelanjaan Kumpulan Wang Covid-19 (KWC) adalah berjumlah RM30.979 bilion. Peruntukan yang diterima daripada Akaun Pinjaman Disatukan adalah berjumlah RM30.880 bilion.

Perbelanjaan terkumpul KWC sehingga akhir tahun 2022 adalah sebanyak RM106.709 bilion atau 97% berbanding had siling perbelanjaan yang berjumlah RM110 bilion.

- Antara program yang mencatatkan perbelanjaan tertinggi adalah Program Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas (RM9.043 bilion), Program Bantuan Prihatin Nasional (RM7.910 bilion), Program Diskaun Bil Elektrik (RM5.876 bilion), Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan (RM2.323 bilion) dan Program Peruntukan bagi Perbelanjaan Berkaitan Covid-19 (RM1.848 bilion).

- **Defisit dan Pinjaman Baharu**

- Kerajaan Persekutuan terus berada dalam kedudukan defisit berjumlah RM99.482 bilion dengan nisbah 5.6% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2022. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman bersih dari dalam dan luar negeri yang berjumlah RM99.837 bilion.
- Terimaan pinjaman kasar adalah RM231.365 bilion pada tahun 2022, iaitu lebih tinggi sebanyak RM14.164 bilion atau 6.5% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM217.201 bilion. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan komitmen bayaran prinsipal pinjaman matang yang lebih tinggi berjumlah RM131.528 bilion berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM113.764 bilion.
- Pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2022 adalah berjumlah RM68.541 bilion, iaitu lebih tinggi sebanyak RM6.224 bilion atau 10% berbanding tahun 2021 sebanyak RM62.317 bilion. Peningkatan ini antaranya disebabkan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM48.962 bilion dan komitmen jaminan berjumlah RM17.086 bilion.
- Pindahan kepada Kumpulan Wang Covid-19 adalah sebanyak RM30.880 bilion pada tahun 2022.

- Secara keseluruhannya, sejumlah RM151.107 bilion atau 65.3% daripada terimaan pinjaman kasar tahun 2022 yang berjumlah RM231.365 bilion digunakan untuk membiayai liabiliti yang terdiri daripada bayaran prinsipal pinjaman matang sebanyak RM131.528 bilion, komitmen jaminan sebanyak RM17.086 bilion serta pelunasan Liabiliti PFI sebanyak RM2.493 bilion.

- **Hutang Persekutuan**

- Hutang Persekutuan yang dilaporkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah hutang yang dibuat secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan tidak termasuk hutang agensi atau syarikat Kerajaan.
- Hutang Persekutuan adalah berjumlah RM1,079.591 bilion iaitu meningkat sejumlah RM99.777 bilion atau 10.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM979.814 bilion. Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK adalah pada kadar 60.3%.
- Seksyen 2, Akta A1635 menetapkan had statutori hutang dalam subseksyen 3(1), Akta 830 ditingkatkan daripada 60% kepada 65% kepada KDNK berkuat kuasa mulai 18 November 2021 hingga 31 Disember 2022. Nisbah statutori Hutang Persekutuan yang melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia berjumlah RM1.032 trilion adalah pada nisbah 57.6% kepada KDNK. Nisbah ini masih di bawah had statutori 65% kepada KDNK.
- Kedudukan Hutang Persekutuan terdiri daripada pinjaman dalam negeri berjumlah RM1,050.078 bilion atau 97.3% manakala hutang luar negeri berjumlah RM29.513 bilion atau 2.7%. Pinjaman dalam negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM99.994 bilion atau 10.5% dan hutang luar negeri berkurangan sejumlah RM0.218 bilion atau 0.7%.
- Hutang Persekutuan berjumlah RM709.751 bilion atau 65.7% akan matang dalam tempoh satu hingga 10 tahun, sejumlah

RM266.141 bilion atau 24.7% matang dalam tempoh 11 hingga 20 tahun dan sejumlah RM103.699 bilion atau 9.6% akan matang dalam tempoh 21 hingga 30 tahun.

- **Liabiliti Kewangan**

- Liabiliti Kewangan terdiri daripada Liabiliti PFI, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti yang berjumlah RM319.571 bilion pada tahun 2022 berbanding RM325.232 bilion pada tahun 2021.
- Liabiliti PFI adalah berjumlah RM34.492 bilion pada tahun 2022. Kedudukan baki ini berkurangan sejumlah RM1.083 bilion atau 3% berbanding tahun 2021 sebanyak RM35.575 bilion. Sejumlah RM2.493 bilion telah dibelanjakan bagi melunaskan prinsipal pinjaman dan bayaran faedah.
- Komitmen Kewangan adalah berjumlah RM284.924 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM4.582 bilion atau 1.6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM289.506 bilion. Komitmen ini menunjukkan obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat bayaran kepada pihak yang berkaitan yang terdiri daripada:
 - Komitmen Jaminan: RM224.116 bilion (2021: RM229.392 bilion);
 - Komitmen Pajak Kewangan: RM34.552 bilion (2021: RM37.280 bilion);
 - Komitmen Bayaran Balik Cukai: RM25.721 bilion (2021: RM21.836 bilion); dan
 - Komitmen Pampasan: RM0.535 bilion (2021: RM0.998 bilion).
- Pelunasan Liabiliti PFI dan komitmen jaminan yang berjumlah RM35.320 bilion pada tahun 2022 adalah menggunakan peruntukan mengurus berjumlah RM0.206 bilion, peruntukan pembangunan berjumlah RM19.579 bilion dan peruntukan Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset berjumlah RM15.535 bilion.

- Pelbagai Liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat adalah berjumlah RM155.34 juta pada tahun 2022, iaitu meningkat sejumlah RM4.39 juta atau 2.9% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM150.95 juta.

- **Liabiliti Persekutuan**

- Kedudukan Liabiliti Persekutuan yang terdiri daripada Hutang Persekutuan dan Liabiliti Kewangan adalah berjumlah RM1.399 trilion, iaitu meningkat sebanyak RM94.116 bilion atau 7.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.305 trilion. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah sebanyak 78.1% iaitu menurun berbanding 84.3% pada tahun 2021.
- Secara keseluruhannya, perbelanjaan berkaitan Liabiliti Persekutuan pada tahun 2022 adalah berjumlah RM208.117 bilion yang terdiri daripada bayaran prinsipal pinjaman matang sebanyak RM131.528 bilion, Perbelanjaan Kerana Hutang Negara berjumlah RM41.269 bilion, pelunasan Komitmen Jaminan berjumlah RM32.827 bilion serta pelunasan Liabiliti PFI berjumlah RM2.493 bilion.

- **Aset Persekutuan**

- Nilai Aset Kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM139.554 bilion, iaitu terdiri daripada Pelaburan dan Akaun Belum Terima.
- Pelaburan dalam pegangan ekuiti syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa adalah berjumlah RM34.030 bilion. Akaun Belum Terima Kerajaan Persekutuan pula adalah berjumlah RM105.524 bilion yang terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai Akaun Belum Terima.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - mempertingkatkan disiplin perbelanjaan mengurus, memperkasakan usaha penjana hasil dan pemantauan terhadap komitmen bayaran balik pinjaman. Langkah ini penting supaya lebih hasil dapat dipertingkatkan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan dan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman baharu;
 - memastikan dana Kumpulan Wang Pembangunan dibelanjakan bagi projek-projek fizikal dan bukan fizikal yang termasuk di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia lima tahun. Perbelanjaan yang bertujuan sebagai penyaluran kepada syarikat bagi tujuan bayaran balik pinjaman perlu dipantau supaya tidak terus meningkat di masa hadapan; dan
 - memastikan setiap pelaporan dan perubahan dalam item penyata kewangan adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.